

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]
TARIKH : 17.6.2014
SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menaikkan sumbangan RM2000 sebulan untuk utiliti kepada Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan kepada satu kadar yang munasabah supaya ia tidak membebankan pihak sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, jumlah Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sejak Disember 2004 adalah sebanyak 204 buah. Untuk makluman, sebelum berdaftar sebagai SABK, semua sekolah ini adalah diurustadbir sepenuhnya oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) masing-masing.

Walau bagaimanapun, setelah berdaftar sebagai SABK, KPM telah mengambil pendekatan untuk memberi bantuan dan sumbangan wang kerajaan bagi meningkatkan kualiti pendidikan sekolah berkenaan. Keseluruhan sekolah ini layak menerima bantuan seperti sekolah bantuan penuh kerajaan yang lain. Antara peruntukan yang disalurkan termasuk dalam bentuk Bantuan Geran Per Kapita (PCG) yang meliputi lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) bagi tujuan pembayaran bil utiliti seperti telefon,

air, elektrik, telegram, setem, internet dan pembentungan serta maksud perbelanjaan yang telah ditetapkan oleh KPM.

Selain itu, bantuan pembayaran bagi bil elektrik dan air sehingga RM2,000 sebulan juga diberikan kepada sekolah bantuan kerajaan. Setakat ini, KPM belum bercadang untuk menaikkan kadar tersebut kerana bantuan PCG yang meliputi LPBT telah diberikan. KPM amat berharap pihak LPS dapat memberi kerjasama yang erat dan padu serta berterusan dalam memainkan peranan masing-masing untuk memajukan kualiti pendidikan di SABK yang dikelolakan.

Rjm84